

14 APR 1998

Malaysia-Singapura

MALAYSIA, SINGAPURA SELESAI RUNDINGAN PULAU BATU PUTEH

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Malaysia dan Singapura hari ini menamatkan perbincangan selama dua tahun untuk mengemukakan tuntutan bertindih mereka terhadap Pulau Batu Puteh kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa di The Hague, Belanda.

Kedua-dua pihak juga bersetuju memasukkan dua lagi ciri yang dipanggil Middle Rocks dan South Ledge, yang terletak dekat Pulau Batu Puteh untuk penghakiman oleh mahkamah itu, kata satu kenyataan Kementerian Luar hari ini, di akhir mesyuarat ketiga peringkat pegawai kedua-dua negara.

Rundingan berhubung pulau kecil di luar pantai Johor itu yang dikenali di Singapura sebagai Pedra Branca, berlanjutan sejak dua tahun lepas tetapi disambung semula hasil perbincangan antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Singapura Goh Chok Tong di sini Februari lepas.

"Malaysia dan Singapura berjaya menamatkan mesyuarat ketiga dan terakhir bagi membincangkan pembentangan kes Pedra Branca/Pulau Batu Puteh ini kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa," kata kenyataan bersama itu.

Menurut kenyataan itu, kedua-dua pihak berpuas hati bahawa hasil daripada mesyuarat itu, pertikaian itu hampir selesai.

"Selain soal mengenai pertikaian itu, Perjanjian Khas itu juga menyediakan satu tempoh masa berhubung proses berkenaan termasuk mengemukakan hujah bertulis," kata kenyataan itu.

Perjanjian itu akan dikemukakan kepada kedua-dua kerajaan untuk ditandatangani dan diterima sebelum dibentangkan kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa.

Delegasi Malaysia diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Abdul Kadir Mohamad manakala perwakilan Singapura diketuai oleh S.Tiwari, Peguam Kanan Negara di pejabat Peguam Negara.

Malaysia dan Singapura dijangka mengesahkan satu lagi perjanjian bagi Malaysia meneruskan bekalan air kepada republik itu selepas tamatnya dua perjanjian pada 2011 dan 2061.

Kedua-dua perjanjian itu perlu ditandatangani dalam tempoh 60 hari dari 17 Feb seperti dipersetujui oleh Dr Mahathir dan Goh. -- BERNAMA

TCL MAI